

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penipuan yang berlaku melalui media sosial untuk 5 tahun yang lepas, jumlah nilai wang mangsa-mangsa yang tertipu dan apakah tindakan Kerajaan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kes-kes penipuan telekomunikasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah seperti Belian Online, Pinjaman Tidak Wujud, Pelaburan, *African Scam*, *Macau Scam* dan *Business Email Compromise* (BEC) yang menyebabkan kerugian yang besar kepada mangsa.

Pada tahun 2016 hingga 10 Oktober 2021, sebanyak 86,475 kes telah disiasat oleh pihak PDRM berkaitan kes penipuan. Daripada jumlah tersebut seramai 35,905 orang telah ditangkap dan 19,122 kes telah dituduh di mahkamah dengan nilai kerugian berjumlah RM2,856,378,006.92. Berdasarkan statistik mendapati kes Belian Online mencatatkan kes tertinggi berbanding dengan kes-kes yang lain iaitu sebanyak 32,794 kes, tangkapan seramai 8,924 orang dan 6,278 kes telah dituduh dimahkamah pada tempoh yang sama.

SOALAN NO : 12

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dalam mengekang sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan.

Di antara langkah-langkah lain yang telah diambil dan dirancang oleh pihak polis termasuklah:

- a) Permohonan kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) untuk meminta menurunkan iklan-iklan haram berkaitan penipuan online ini;
- b) Mewujudkan platform akaun Facebook "*Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police*" untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai skim pelaburan tidak wujud ini. Satu portal juga telah dibangunkan oleh PDRM bagi memudahkan orang awam untuk membuat semakan nombor telefon sindiket ataupun akaun-akaun bank yang digunakan oleh sindiket dalam urusan penipuan. Portal tersebut boleh dicapai melalui pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> dan ianya boleh dimuatnaik dengan menggunakan telefon mudah alih;
- c) Mewujudkan CCID *Scam Respond Center* di talian 0326101559 atau 0326101599 di mana orang ramai boleh membuat panggilan untuk mendapatkan maklumat dan menyemak kesahihan panggilan bagi sebarang transaksi yang meragukan. Talian ini beroperasi dari jam 09.00 pagi hingga 10.00 malam pada setiap hari; dan
- d) Mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001(AMLATFPUAA) bagi tujuan pembekuan dan pelucuthakan wang dari akaun sindiket juga diambil oleh pihak PDRM. Bagi mana-mana suspek yang tidak cukup keterangan untuk dituduh di mahkamah, mereka akan dikenakan tindakan dibawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).